



**[OBJECTION OF *TUAN TABAL* (D. 1894 AD) AGAINST THE DOCTRINE OF
WUJUDIAH IN HIS BOOK CHAPTER OF HOPE]**

**BANTAHAN *TUAN TABAL* (M. 1894M) TERHADAP FAHAM *WUJUDIAH*
DALAM KITAB BAB HARAP**

Mohd Akmal Sidik^{1*}

¹Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sarawak
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan,
Sarawak

*Corresponding Author: akmal.sidik@gmail.com

Received: 15 November 2022 | Accepted: 30 November 2022

Abstrak

Fahaman *wujudiah* merupakan salah satu penyelewengan dari landasan Islam yang meresap masuk semasa proses penyebaran Islam di Kepulauan Melayu. Fahaman ini telah menumbulkan banyak polemik intelektual dalam kalangan para ulama di rantau ini, terutamanya semasa abad ke 7 Masihi di antara pengikut fahaman tasawuf syuhudiah, pimpinan Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Syeikh Abdul Rauf Singkel dengan pengikut fahaman tasawuf *wujudiah*, pimpinan Hamzah Fansuri dan Syamsuddin al-Sumaterani. Artikel ini akan membahaskan penentangan salah seorang tokoh ulama Melayu iaitu Tuan Tabal dalam karyanya, Bab Harap. Artikel ini akan memperkenalkan latarbelakang penulis Kitab Bab Harap dan pandangan beliau tentang fahaman *wujudiah* dalam kitab tersebut. Kajian ini menggunakan metode kualitatif. Data-data berkaitan dikumpulkan menggunakan metode dokumentasi dan dianalisis menggunakan metode analisis kandungan dan perbandingan. Artikel ini menyimpulkan bahawa Tuan Tabal menentang fahaman *wujudiah* dan menyatakannya sebagai fahaman golongan yang zindik. Fahaman ini adalah suatu fahaman yang merbahaya buat umat Islam di Malaysia kerana ia mengkaburkan hubungan antara Allah swt dengan makhlukNya.

Kata kunci: Tuan Tabal, *Wujudiah*, Bab Harap

Abstract

The doctrine of wujudiah was one of distortion that seeping through among the Muslims in Malay Archipelago during the spreading of Islam. It brought numerous intellectual conflict in this region, notably during the 17th century between the wujudiah camp, lead by Hamzah Fansuri and Syamsuddin al-Sumaterani; and syuhudiah camp lead by Nuruddin al-Raniri and Abdul Rauf Singkel. This article will explore the rejection by of Malay ulama, Tuan Tabal in one of his books, Bab Harap (The Chapter of Hope). This is a qualitative research. The data were collected based on documentation method and further anaylyzed with content analysis and comparative methods. This article concluded that Tuan Tabal was against wujudiah doctrine and declared it as zindiq. This doctrine was dangerous to a Muslim as it blurred the relation between Allah swt and his creations.

Keywords: *Tuan Tabal, Wujudiah, Bab Harap*

Cite as: Sidik, M.A. (2022). Bantahan Tuan Tabal (m. 1894m) Terhadap Faham *Wujudiah* Dalam Kitab Bab Harap. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 1(2), 229–237

PENDAHULUAN

Islam telah bertapak di Kepulauan Melayu di antara abad ke 7 Masihi sehingga abad ke 12 Masihi. Walaupun para sarjana tidak sependapat tentang beberapa perkara berkaitan kemasukan Islam ke rantau ini seperti persoalan tentang tarikh kemasukan, siapa yang bertanggungjawab membawa masuk Islam, tempat awal pertapakan Islam dan metode penyebaran, menurut Azyumardi Azra, mereka bersepatat bahawa ahli sufi dan tasawuf memainkan peranan yang sangat signifikan dalam proses penyebaran Islam ke Kepulauan Melayu (Azra, 2002).

Pada abad ke 17 Masihi, berlaku konflik intelektual di antara pengikut fahaman tasawuf syuhudiah, pimpinan Syeikh Nuruddin al-Raniri dan Syeikh Abdul Rauf Singkel dengan pengikut fahaman tasawuf *wujudiah*, pimpinan Hamzah Fansuri dan Syamsuddin al-Sumaterani (Mohammad, 2011). Pengikut aliran *wujudiah* di anggap sebagai sesat, menyeleweng dan menyimpang dari ajaran Islam kerana mempercayai penyatuan di antara makhluk dengan Allah S.W.T. Konflik ini merupakan konflik terbesar berkaitan fahaman *wujudiah* di Kepulauan Melayu.

Perbahasan tentang faham *wujudiah* berterusan di Kepulauan Melayu apabila para ulama Melayu membahaskan perihal fahaman ini dalam kitab-kitab mereka. Antara ulama yang turut menyumbangkan idea tentang fahaman ini adalah Tuan Tabal apabila beliau menegaskan bahawa fahaman *wujudiah* yang mempercayai penyatuan makhluk dengan Allah S.W.T adalah fahaman yang sesat dan kafir. Beliau membicarakan perihal fahaman *wujudiah* ini dalam salah sebuah kitab karangan beliau iaitu Bab Harap.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif sepenuhnya yang menyasarkan dua objektif iaitu; Pertama, mengkaji latarbelakang penulis Kitab Bab Harap iaitu Tuan Tabal dan; Kedua, mengkaji bantahan Tuan Tabal terhadap fahaman *wujudiah*. Kajian ini menggunakan metod dokumentasi sebagai metod pengumpulan data yang berpandukan naskah asal Kitab Bab Harap daripada simpanan peribadi Allahyarham Dr. Ahmad Zaki Berahim@Ibrahim, bekas pensyarah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya beberapa ketika sebelum keberangkatan beliau menuju negeri yang abadi. Manuskrip tersebut dianalisis menggunakan metod analisis kandungan bagi mengeluarkan khazanah hikmah yang terkandung di dalamnya, terutamanya berkaitan bantahan Tuan Tabal terhadap *wujudiah* yang menjadi fokus utama kajian ini. Selain itu, kandungan kitab Bab Harap juga dibandingkan dengan karya-karya tasauf Tuan Tabal yang lain seperti *Munabbih al-Ghafilin*, *Jala' al-Qulub* dan *Munyat Ahl al-Awbat* bagi menilai konsistensi beliau mengenai fahaman *wujudiah*.

TUAN TABAL: ULAMA YANG DISEGANI

Beliau ialah Haji Wan Abdul Samad bin Muhammad Salih al-Kalantani (Hassan, 1977). Kajian yang lain pula menyatakan bahawa nama penuh beliau ialah Haji Wan Abdul Samad bin Wan Muhammad Shalih bin Wan 'Abdul Lathif al-Fathani. Penulis berpendapat, nama Tuan Tabal sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian yang kedua adalah lebih cermat dan tepat berikutan kesinambungan penggunaan nama 'Wan' pada nama Tuan Tabal. Manakala penggunaan kedua-dua gelaran sama ada al-Kalantani atau al-Fatani adalah betul. Al-Kalantani merujuk kepada negeri Kelantan, tempat Tuan Tabal menetap semasa hayat beliau. Manakala al-Fatani merupakan gelaran yang diwarisi kerana beliau berketurunan ulama-ulama besar Patani seperti Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani, Syeikh Muhammad bin Ismail al-Daudi al-Fatani, Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani dan selainnya.

Tidak terdapat sebarang rekod yang menyatakan tarikh kelahiran beliau dengan tepat tetapi para sarjana mengemukakan dua tarikh kelahiran beliau iaitu pada tahun 1816 dan 1840. Ismail Che Daud berpendapat bahawa 1840 adalah tahun yang lebih tepat (Daud, 2001). Tuan Tabal dilahirkan di Kampung Tabal, Selatan Thailand dan meninggal dunia pada tahun 1891 di Kota Bharu sebagaimana yang tercatat pada nisan kuburnya di Banggol, Kelantan (Berahim & Nor, 2009). Menurut Ismail Che Daud pula, tahun kematian Tuan Tabal sepatutnya pada tahun 1894 dengan memberikan beberapa alasan seperti laporan yang mengatakan Tuan Tabal mengerjakan haji pada tahun 1311 H bersamaan awal tahun 1894 M. Selain itu, terdapat sumber lisan yang mengatakan bahawa Tuan Tabal telah meninggal dunia setelah kematian Tok Konok yang meninggal dunia pada pertengahan tahun 1310 H bersamaan awal tahun 1893 M (Daud, 2001). Oleh itu, walaupun tarikh 1891 M dicatat pada nisan Tuan Tabal, ia perlu diperbetulkan kepada tahun 1894 berdasarkan alasan-alasan yang diberikan oleh Ismail Che Daud.

Bapa Tuan Tabal lebih popular dengan panggilan Haji Wan Leh yang merupakan seorang imam di Tabal (Hasan, 2006). Beliau mendidik Tuan Tabal dengan didikan agama dan berjasa menerapkan semangat mentaati agama dan warak dalam diri Tuan Tabal. Ibu beliau pula bernama Tok Cu Mah. Tuan Tabal merupakan anak sulung dari lapan beradik iaitu Maimunah, Salamah, Said, Haji Yusuf, Haji Abdul Rahman, Haji Uthman dan Haji Taib (Daud, 2001).

Tuan Tabal merupakan seorang tokoh yang memberikan sumbangan yang besar dalam bidang pendidikan dan persuratan di Malaysia (Berahim & Nor, 2009). Beliau masyhur sebagai seorang alim dan ahli sufi yang diakui ketokohnya di Patani dan Kelantan (Ahmad & Saman, 2005). Hal ini sebagaimana yang digambarkan oleh Abdullah Tahir dalam tulisannya;

“Kegiatan penyebaran ilmu pengetahuan terutama mengenai ajaran Islam dan falsafah pada peringkat awal lebih banyak dilakukan oleh tiga orang ulama’ yang terkemuka. Ulama’-ulama itu ialah Tuan Haji Abdul Samad bin Muhammad Saleh (1816-1891), yang lebih terkenal dengan nama Tuan Tabal, Haji Wan Ali bin Abdul Rahman dan Haji Muhammad Yusuf Ahmad atau lebih dikenali dengan nama Tok Kenali” (Tahir, 1985).

Selain melibatkan diri dalam bidang pengajaran dan pendidikan, Tuan Tabal turut menghasilkan 8 buah kitab sebagai panduan kepada umat Islam. Berikut merupakan kitab-kitab yang dikarang oleh Tuan Tabal sepanjang hayatnya;

1. *Munabbih al-Ghafilin.*
2. *Jala' al-Qulub bi Dhikrillah.*
3. *Kifayat al-'Awwam fi ma Yajibu 'Alayhim min Umur al-Islam.*
4. *Minhat al-Qarib al-Mujib wa Mughni al-Raghibin fi al-Taqrif.*
5. *Bidayat al-Ta'lim fi Tarf min Arkan al-Islam.*
6. *Munyat Ahl al-Awbat fi Bayan al-Tawbah.*
7. *Bab Harap.*
8. *Munyat al-Murid fi Ba'd Awsat Sayyid al-Mursalin.*

Kitab-kitab beliau ditulis dalam Bahasa Melayu walaupun mempunyai judul berbahasa Arab. Kitab-kitab beliau juga merupakan sebahagian usaha Tuan Tabal dalam menyatupadukan 3 bidang ilmu Islam utama iaitu akidah, feqh dan tasawuf sebagaimana yang beliau lakukan dalam kitab *Kifayat al-'Awwam* dan *Minhat al-Qarib*. Dari segi susunan, Tuan Tabal akan membicarakan perihal akidah pada bahagian pembukaan, diikuti dengan hal ehwal feqh dan diakhiri dengan tasawuf (Amin, 2013).

KEAHLIAN TUAN TABAL DALAM BIDANG TASAWUF

Tuan Tabal merupakan pelopor Tarekat Ahmadiyah di Tanah Melayu (Berahim & Nor, 2009) yang menyebarkannya dalam kalangan masyarakat Islam di Kelantan. Beliau mendapat ijazah untuk menyebarkan tarikat ini dari Ibrahim al-Rasyid (m. 1874 M) (Amin, 2013) yang merupakan anak murid kepada pengasas Tarikat Ahmadiyah, Ahmad bin Idris bin Muhammad bin Ali (m. 1837 M) (O'Fahey, 1990). Setelah kematian pengasasnya, Ibrahim al-Rasyid telah meneruskan lagi gerakan tersebut sehingga menjadi salah satu gerakan yang terkenal dan aktif di Mekah dan mempunyai pengikut dari serata dunia. Selain Tuan Tabal, nama-nama lain yang menjadi pengikut Tarikat Ahmadiyah termasuklah Sayyid Muhammad bin Ahmad al-Dandarawi (m.1891 M), dan Muhammad Sa'id bin Jamaluddin al-Linggi (m.1928 M) (Awang, 2001).

Sebagai pelopor kepada sebuah gerakan tarikat yang terkenal, Tuan Tabal turut menghasilkan karya-karya dalam bidang tasawuf. Antara kitab-kitab tasawuf beliau seperti *Munabbih al-Ghafilin*, *Jala' al-Qulub*, *Munyat Ahl al-Awbat* dan *Bab Harap*. Menurut Mohd Azam, Tuan Tabal tidak sekadar menyebarkan Tarikat Ahmadiyah, tetapi beliau juga turut berusaha membawa perubahan terhadap pengamalan tasawuf di Tanah Melayu pada ketika itu.

Aspek pembaharuan yang dilakukan oleh Tuan Tabal ini telah dihuraikan dengan teliti oleh Wan Mohd Azam dalam artikelnya, *Reforming Sufism in Malaya: The Teachings of Tuan Tabal and His Followers* (Amin, 2013).

Antara aspek pembaharuan tasawuf yang dilakukan oleh Tuan Tabal (Amin, 2013) ialah;

- i. Mentafsirkan proses *wahdatul wujud* sebagai maqam tertinggi yang boleh dicapai oleh seseorang hamba dalam perjalanan spiritualnya menuju Allah S.W.T.
- ii. Penulisan Tuan Tabal tentang *wahdatul wujud* seperti dalam kitabnya *Jala' al-Qulub* adalah bertujuan untuk disebarkan kepada orang awam. Oleh itu, beliau tidak menggunakan istilah-istilah yang sukar difahami seperti *ta'ayyun*, *al-'ama*, *thubut* dan seumpamanya. Selain itu, beliau menerangkan konsep *wahdatul wujud* dengan menggunakan konsep-konsep yang mudah difahami dan biasa digunapakai oleh golongan sufi seperti *maqamat*, *mahabbat Allah*, *tawakkul*, *sabr*, *rida*, *faqr* dan seumpamanya.
- iii. Tuan Tabal menegaskan bahawa kefahaman yang benar tentang kewujudan Allah S.W.T akan mendorong manusia melayan manusia yang lain dan alam sekitar dengan layanan yang baik. Ini kerana, sebagai makhluk Allah, setiap manusia sewajarnya berakhlak dengan akhlak yang mulia.

BANTAHAN TUAN TABAL TERHADAP FAHAMAN WUJUDIAH DALAM KITAB BAB HARAP

Tuan Tabal menyatakan tentang *wujudiah* pada bahagian khatimah atau penutup kitab Bab Harap sepertimana berikut;

Dan jaga-jaga olehmu [,] jangan jadi seperti faham wujudiyah yang zindiq mereka itu [,] kerana kata mereka itu bahawasanya wujud segala suatu dan wujud Allah taala itu esa jua [,] Sungguhnya pun pada syariat berbagai-bagai rupanya dan pada hakikatnya esa [,] dan yang dikenalnya satu jua [,] Maka perkataan ini semata-mata kafir dan i'tiqad yang sesat [,] (Salih, 1940)

Berdasarkan kenyataan Tuan Tabal di atas, golongan yang mempercayai penyatuan di antara makhluk dengan Allah S.W.T sebagaimana yang dipercayai oleh golongan *wujudiah* adalah *zindiq*, kafir dan merupakan iktikad yang sesat.

Zindiq bermaksud golongan yang berpendapat tentang keabadian masa atau *dahriyyun*. Ia berasal dari perkataan Parsi, *zandekara* yang bermaksud masa adalah sesuatu yang kekal (Manzur, 1994). Dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional, antara tokoh yang turut menggelarkan golongan *wujudiah* sebagai *zindiq* adalah Syeikh Nuruddin al-Raniri dalam beberapa karyanya seperti *Hujjah al-Siddiq Li Daf' al-Zindiq*, *Ma'a Al-Hayah Li Ahl Al-Mamat*, *al-Fath al-Mubin `ala al-Mulhidin*, *Hill al-Zill* dan *Jawahir al-`Ulum fi Kashf al-Ma`lum* (Zulkifli, Sa'ari, & Ghani, 2018). Dalam kitabnya yang lain iaitu *Tibyan fi Ma`rifat al-Adyan*, al-Raniri menyatakan;

“...Maka tatkala zahirlah kaum Wujudiiyyah yang *zindiq mulhid* lagi sesat daripada murid Shamsuddin al-Sumatra'i yang sesat...”

Jika kita meneliti penjelasan Syeikh Daud al-Fatani berkaitan tiga martabat ketuhanan yang qadim dan azali dalam Martabat Tujuh (Azmi & Badaruddin, 2018) iaitu *Ahadiyah*, *Wahdah*, *Wahidiyyah*, beliau memberi amaran kepada orang-orang yang melakukan perjalanan rohani menuju Allah swt, selagi belum mencapai martabat *Ta'ayun Awwal*, agar tidak mendakwa dirinya dan sekalian alam adalah Allah swt kerana ia adalah penyebab kekufuran dan kesesatan. Syeikh Daud al-Fatani menyatakan dalam karyanya yang tidak berjudul;

“Yakni jika orang yang belum sempurna taraqiqnya pada martabat *Ta'ayun Awwal* dan hanya ia pada martabat *Ta'ayun Thāni* atau pada martabat *a'yan kharijah*. Maka tiada harus ia mendakwakan dirinya itu dan sekalian Ia, yakni Allah. Maka jika dakwanya yang demikian, padahal ia tiada pada martabat *Ta'ayun Awwal* dan tiada hapus pada pandangannya yang lain daripada Allah itu, tetapi maujud padanya bagi yang lain daripada Allah [ber]serta Allah. Maka dakwanya itu [adalah] salah, istimewa pula jika didakwanya dirinya itu [adalah] Allah, maka jadi[lah] ia [seorang] *mulhid* dan kufur, [yang] jatuh di dalam *bahr dalal*, *na'uzu bi Allah*”

Perjalanan rohani menuju Allah, atau *taraqiqi* akan bermula apabila seseorang hamba itu berusaha untuk mengenal Allah. Kenyataan terkenal dalam pengajian tasawuf iaitu “Sesiapa yang mengenali dirinya, maka dia telah mengenali tuhannya”. Menurut Tuan Tabal, kenyataan tersebut adalah tidak

dapat dipastikan asal usulnya, sama ada ianya merupakan hadith, perkataan Saidina Ali R.A atau perkataan ahli sufi.

Tuan Tabal menyatakan bahawa kenyataan tersebut bermaksud seseorang hamba yang mengenali kelemahan, kekurangan dan kehinaan dirinya akan mengenali, dalam masa yang sama, kekuasaan, kekayaan, kesempurnaan dan keagungan Allah S.W.T. Seseorang hamba yang melalui proses mengenal ini, akan terbuka pintu *musyahadah* dan mendekati diri kepada Allah S.W.T. Tuan Tabal membahaskan pula perihal kata-kata Ibn ‘Arabi tentang proses mengenal kewujudan Allah. Tuan Tabal memetik Ibn ‘Arabi, bahawa sesiapa yang ingin mengenali kewujudan Allah S.W.T, maka hendaklah dia mengenal alam. Ini kerana, alam tidak akan wujud tanpa wujudnya Allah S.W.T. Maka, mengenali alam semulajadi merupakan satu kaedah yang efektif untuk mengenali kewujudan Allah S.W.T.

Susunan perbahasan yang digunakan oleh Tuan Tabal dalam mengkritik faham *wujudiah* menunjukkan bahawa, kesesatan fahaman ini adalah berpunca dari penyimpangan dalam proses memahami maksud sebenar kenyataan “Sesiapa yang mengenali dirinya, maka dia telah mengenali tuhaninya”. Sedangkan menurut Tuan Tabal, kenyataan tersebut merupakan wahana penting buat seseorang meningkatkan keimanannya kepada Allah S.W.T dan dalam masa yang sama membuka pintu muraqabahya kepada Allah S.W.T. Selain itu, fahaman *wujudiah* juga menyimpang dari maksud sebenar kata-kata Ibn ‘Arabi berkaitan proses mengenali Allah S.W.T iaitu dengan mengenali alam semesta. Hal ini merupakan suatu perkara yang penting kerana Ibn ‘Arabi seringkali dikaitkan dengan fahaman *wujudiah*. Manakala perbahasan yang ditunjukkan oleh Tuan Tabal ini menafikan perkaitan tersebut sekaligus menunjukkan fahaman *wujudiah* telah sesat secara tersendiri.

PENUTUP

Fahaman *wujudiah* adalah satu fahaman yang sangat merbahaya kepada umat Islam khususnya di Malaysia kerana ia merupakan fahaman yang mempercayai penyatuan di antara makhluk dengan Allah S.W.T. Sepanjang sejarah penyebaran Islam di Kepulauan Tanah Melayu, fahaman ini telah ditentang oleh ramai ulama seperti Syeikh Nuruddin al-Raniri, Syeikh Daud al-Patani dan Tuan Tabal sebagaimana yang dinyatakan dalam perbincangan di atas. Bagi memastikan keaslian dan kemurnian akidah umat Islam di Malaysia, maka usaha menentang fahaman *wujudiah* ini perlu

dipertingkatkan sebagaimana yang telah diwariskan oleh para ulama terdahulu dan Tuan Tabal dalam kitabnya Bab Harap.

RUJUKAN

- Ahmad, A. M., & Saman, T. (2005). *Tokoh-tokoh Agama dan Kemerdekaan Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia.
- Amin, W. M. (2013). Reforming Sufism in Malaya: The Teachings of Tuan Tabal and His Followers. *Intellectual Discourse*, 90.
- Awang, P. (2001). *Tariqah Ahmadiyah: History and Development*. Petaling Jaya: Persatuan Ulama Malaysia.
- Azmi, M. A., & Badaruddin, F. (2018). Manuskrip MS666 Karya Shaykh Daud al-Fatani: Satu Refleksi Awal. *Bitara International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 110-122.
- Azra, A. (2002). *Islam di Nusantara: Jaringan Global dan Lokal*. Jakarta: Penerbit Mizan.
- Berahim, A. Z., & Nor, M. R. (2009). Tuan Tabal (M. 1891M) Dan Sumbangannya Dalam Perkembangan Islam di Tanah Melayu. *Journal of al-Tamaddun*, 134.
- Daud, I. C. (2001). *Tokoh-tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*. Kota Bharu: Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Hasan, A. (2006). *Kitab-kitab Agama Kelantan: Kifayat al-'Awwam oleh Haji Wan Abdul Samad bin Muhammad Salih (Tuan Tabal)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, N. A. (1977). *Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan, Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Manzur, I. (1994). *Lisan al-Arab* (Vol. 5). Beirut: Dar al-Sadir.
- Mohammad, A. (2011). Peranan Ulama Dalam Memartabatkan Tamadun Islam di Nusantara: Tumpuan Terhadap Abdul Rauf Singkel. *Jurnal of al-Tamaddun*, 88.
- O'Fahey, R. S. (1990). *Enigmatic Saint: Ahmad ibn Idris and Idrisi Tradition*. Evanston: Northwestern University Press.
- Salih, A. S. (1940). *Bab Harap*. Kota Bharu: Matba'ah al-Kamaliah.
- Tahir, A. (1985). *Kemunculan dan Kegiatan Penulis-penulis Kreatif Kelantan Sejak Sebelum Perang Hingga Kini*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Zulkifli, A., Sa'ari, C. Z., & Ghani, M. Z. (2018). Pendekatan Dakwah al-Wasatiyyah Syeikh Abdul Rauf Ali al-Fansuri (m1693). *Afkar-Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 179-212.